



WAKTU BERBUKA PUASA

Kuala Lumpur

Rumah Bersih & Teratur, Ibadah Saat Ramadan
Selamat Menyambut Ramadan Al-Mubarak

10:41 AM 6 Mei 2021, Khamis 24 Ramadhan, 1442

Imsak
05:42 AM

Magi
19:20

Polyform bantu jimat kos pelupusan pasar borong



SHADAN Othman (kanan) bersama Kenny Siang Eaw Keong (kiri) melihat sisa bahan pasar buangan daripada sayur-sayuran di tapak kitar semula pasar borong MPHTJ, Batu Berendam, Melaka. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI 5 Mei 2021, 3:32 pm

MELAKA: Penghasilan polyform dengan mengitar semula buangan sisa pepejal dan makanan di pasar borong Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) membantu pihak pengurusan menjimatkan kos pelupusan.

Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Shadan Othman berkata, dianggarkan sebanyak RM35,000 sebulan terpaksa ditanggung pihaknya untuk melupuskan sisa buangan yang terdiri daripada bekas polisterin, sayuran dan ikan yang rosak.

Menurut beliau, kini kos pelupusan hanya sekitar RM4,000 hingga RM5,000 dengan menggunakan mesin kitar semula polyform.

"Mesin ini mula beroperasi September tahun lepas dan dapat menghasilkan polyform seberat 200 hingga 400 kilogram dalam tempoh lima jam.

"Polyform boleh diproses untuk dijadikan bahan akhir seperti bingkai gambar, baja dan tetikus komputer. Bahan ini

akan dijual kepada pengilang yang berminat," katanya kepada pemberita pada program Lawatan Tapak Projek Kitar Semula Bahan Sisa Jualan Pasar Borong di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pemindahan Teknologi dan Pengkomersialan R&D Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Puan Seri Dr. Halila Faiza Zainal Abidin; Naib Presiden Kanan, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Mariatini Othman dan Pengarah Urusan Syarikat SIS Resources (M) Sdn. Bhd., Datuk Kenny Siang Eaw Keong.

Tambah Shadan, buat masa ini terdapat dua buah mesin iaitu untuk sisa sayur-sayuran dan polistrin.

"Setakat ini tiada rancangan untuk menambah mesin tetapi akan ditambah sekiranya inisiatif ini mendapat sambutan yang baik," katanya.

Sementara itu, Shadan berkata, pihak Majlis bersama kementerian mengalu-alukan kerjasama pelbagai pihak untuk mencari idea dan kaedah terbaik bagi melupuskan sisa buangan di pasar borong.

Polyform yang telah dikitar semula sehingga kini seberat 14.5 tan. -UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA

by



'Jangan jadi macam saya'- Farisha Irwayu...



MPHTJ perketat SOP pasar borong menjelang...



Abdul Hamid bersara, Acryl Sani Ketua Polis...



Dad Earns RM451,857 a Month with Bitcoin



Hamid Bador tak sabar kembali berkebun



Kes gaduh: Lan Pet Pet sudah buat laporan polis



Berang kereta dibaiki



Cari ilham, nafas baharu



Kes pukul: Lan Pet Pet

POPULAR



HLIB tingkatan TP UEM Edgenta kepada RM2.53

6 Mei 2021, 10:21 am

A member of UEM Group



Kerjaya Prospek raih projek RM28 juta

6 Mei 2021, 10:16 am

KERJAYA
PROSPEK



Covid-19: Kanada negara pertama lulus vaksin Pfizer untuk remaja
6 Mei 2021, 10:15 am



Kargo udara catat permintaan tinggi pada Mac – IATA
6 Mei 2021, 10:14 am

Dapatkan
U SKORA SPM

Setiap Selasa
di dalam

Utusan
Malaysia

KLIK DI SINI

BELI & MENANG DUIT RAYA!
Jumlah Bernilai
RM80,000!
1 APR - 19 MEI 2021

Hadiah Pertama: **1x RM10,000**
Hadiah Kedua: **1x RM5,000**
Hadiah Ketiga: **1x RM2,000**
Hadiah Mingguan: **350x RM180**

CSR
BETTER
TOGETHER

PROSPEK

Kerjaya Prospek raih projek RM28 juta

6 Mei 2021, 10:16 am



Kargo udara catat permintaan tinggi pada Mac – IATA

6 Mei 2021, 10:14 am



Teroka peluang pembangunan mampan

6 Mei 2021, 10:13 am

Dapatkan

U SKORA **SPM**

Setiap Selasa
di dalam

**Utusan
Malaysia**

PEMIKIRAN BARU
**Utusan
Malaysia**

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami